

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 36 RABU 6HB. SEPTEMBER, 1972.

1392 رابو 27 رجب

PERCHUMA

LEBEH 15,000 SAKSIKAN PERARAKAN PENGANTIN DIRAJA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebih dari 15,000 orang rakyat dan penduduk negeri ini termasuk kira2 8,000 orang murid2 sekolah dan guru2 telah berbaris di-sepanjang jeraya di-Bandar Seri Begawan untuk mengalu2kan perarakan Pengantin Diraja pada hari Khamis lepas.

Istiadat perarakan itu ada-lah merupakan kemunchak dari istiadat perkahwinan Diraja antara Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah ibni D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin dengan Yang Mulia Pengiran Norhayati binte Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman.

Perarakan Diraja itu yang di-iringkan dengan perhiasan2 Diraja yang beraneka warna dan bentuk di-langsungkan sa-lepas Istiadat Bersanding di-rumah kediaman Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman, Pegawai Daerah Brunei dan Muara yang letaknya tidak jauh dari Istana Darul Hana.

Mempelai Diraja itu di-arak dalam sa-buah kenderaan yang di-hias khas yang melambangkan kebesaran adat-istiadat Diraja Brunei sambil di-ikuti oleh pembesar2 negara dan alat2 kebesaran Diraja.

Alat2 kebesaran Diraja yang mengiringkan perarakan itu terdiri dari perhiasan tunggal, sa-orang membawa kiap dan dua orang pahawai kanak2 laki2 (sa-orang membawa keris dan sa-orang membawa kaskol), sa-orang Pengiran perempuan yang memakai sa-pengadag gadong di-iringkan oleh sa-orang dayang2 yang membawa kaskol linguai serta 14 orang pahawai perempuan yang memegang dua Puan, dua Tarian, dua Kabok, dua Penastan, dua Kiap, dua Chupu dan dua Pesigupan.

Lain2 alat kebesaran Diraja yang mengiringkan perarakan itu ia-lah 32 orang dayang2 yang membawa 32 batang dian, 88 orang pegawai yang masing2 membawa 16 Tumbak, 16 Pedang, 8 Kabok dan 8 Penastan serta sabatang Dian Tunggal yang di-bawa oleh Awang2.

Di-hadapan perarakan Pengantin Diraja itu terdapat dua orang Hulubalang, sa-orang membawa Pemuras dan sa-orang membawa Kalasak dan Kampilan.

Barisan perarakan itu telah di-hadului oleh pasukan Pencharagam Pulis Diraja Brunei.

Turut menyerikan perarakan Pengantin Diraja itu ia-lah Duli (Lihat muka 8)



Mempelai Diraja, Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah dan Y.M. Pengiran Norhayati binte Pg. Dato Paduka Haji Abd. Rahman ketika menjalani Istiadat Bersanding Pengantin Diraja.

Tambang k-terbang utk tunaikan Haji tahun ini \$1,300

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Tambang bagi sa-orang dewasa yang hendak menunaikan fadhu haji dengan menaiki kapal terbang pada tahun ini ia-lah \$1,300 sahaja.

Jumlah tambang ini ada-lah berikutan dengan beberapa pertandingan yang timbul dari beberapa sharikat penerbangan yang memohon untuk mengangkut jemaah2 haji itu.

Sharikat2 penerbangan yang memohon itu termasuk-lah sharikat2 dari seberang liau.

Sharikat yang terpilih dengan harga tawaran itu ia-lah Sharikat Sri Azam Travel Agency dari Kuala Lumpur.

Sharikat tersebut telah menawarkan tambang bagi sa-orang dewasa sa-banyak \$1,300.00 sementara bagi sa-orang kanak2 yang berumur 12 tahun ka-bawah ia-lah sa-banyak \$675.00.

Namun demikian, sa-orang juruchapak di-Jabatan Hal-Ehwal Ugama menyatakan

bahawa tambang yang di-tawarkan oleh Sharikat Sri Azam itu ada-lah tergantung kepada penggunaan landasan lapangan terbang antara bangsa di-Berakas.

Beliau berkata bahawa jika kapal terbang Boeing 707 atau DC-8 boleh mendarat di-landasan tersebut, maka tambang yang di-tetapkan itu tidak akan menghadapi sa-barang perubahan.

Tetapi, kata-nya, jika tidak boleh mendarat di-landasan itu, maka penerbangan tersebut akan melalui Kota Kinabalu dengan tambahan tambang bagi sa-orang dewasa sa-banyak \$50.00, sementara kanak2 maseh tidak berubah.

Tambang yang di-tawarkan itu ia-lah bagi penerbangan dari Brunei ka-Jeddah dan balek sa-mula ka-Brunei.

Jemaah2 haji Brunei yang akan menunaikan haji dengan menaiki kapal terbang itu pada tahun ini ia-lah sa-ramai 299 orang yang terdiri dari 148 orang lelaki dewa- (Lihat muka 8)

Peraduan membacha Quran Perengkat Negeri

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Sir Muda Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah akan berangkat berchemar duli ka-Lagoon Mesjid Omar Ali Saifuddin untuk menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya dalam peraduan membacha Al-Quran perengkat negeri.

Peraduan itu akan berlangsung sa-fama dua malam berturut2 mulai 29hb. hingga 30hb. September ini mulai pukul 8.30 dan ia-nya akan di-siarkan sa-chara terus menerus melalui Radio Brunei.

Peraduan itu akan di-rasmikan pembukaan-nya pada 29hb. September ini oleh Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja, Dato Seri Laila Utama Awang Isa.

Dalam peraduan itu nanti, Daerah Brunei dan Muara akan diwakili oleh tiga orang qari dan dua orang qariah, sementara Daerah2 Belait, Tutong dan Temburong masing2 akan menghantar dua orang qari dan sa-orang qariah.

Pemilihan2 perengkat Daerah Tutong dan Temburong telah pun berlangsung baru2 ini, sementara pemilihan bagi wakil2 Daerah Brunei dan Muara akan di-adakan di-Madrasah Jabatan Hal-Ehwal Ugama pada 8hb. September ini mulai pukul 8.00 malam.

Pemilihan bagi mewakili Daerah Belait akan berlangsung pada 9hb. September ini di-pentas khas di-Padang K.B.R.C., mulai pukul 8.00 malam.

Qari dan qariah yang berjaya menjadi johan perengkat negeri itu akan menerima hadiah2 tambang perchuma untuk menunaikan farhu haji sa-lain dari menerima perisai2 dan wang tunai yang di-hadiahkan oleh Jabatan Hal-Ehwal Ugama.

Walau bagaimana pun, sa-orang juruchapak Jabatan Hal-Ehwal Ugama menyatakan, tambang perchuma untuk fardhu haji itu hanya akan di-berikan kepada qari dan qariah yang belum menerima kurnia tambang haji dari peraduan itu.

PEPEREKSAAN BAHASA INGGERIS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peperiksaan bahasa Inggeris bagi kelas2 dewasa Primary II, IV, VI dan Tingkatan I dan II di-seluruh negeri akan di-adakan pada 4hb., 5hb., dan 6hb. Disember tahun ini.

Sa-orang juruchakap di-bahagian Pelajaran Dewasa Jabatan Pelajaran berkata, chalon2 yang akan mengambil peperiksaan hendaklah mengisi borang2 yang di-khaskan dan mendapat sukongan dari guru2 mereka.

Chalon2 yang akan mengambil peperiksaan itu juga dikehendaki membayar sa-banyak \$2.00 dan hendaklah mempunyai kedatangan belajar sa-kurang2-nya 70% sa-masa persekolahan di-buka.

Mereka di-kehendaki mengisikan dua keping borang dan hendaklah menulis nama mengikut ejaan dalam kad pengenalan.

Pusat2 peperiksaan itu ialah di-Maktab SOAS bagi chalon2 di-Bandar Seri Begawan, Maktab Anthony Abell bagi chalon2 di-Pekan Seria, Sekolah Inggeris Perdana Wazir bagi chalon2 di-Kuala Belait, Khe-mah Tahanan Berakas bagi orang2 tahanan dan pusat2 lain di-mana kelas2 itu di-adakan.

Borang2 memasuki peperiksaan itu hendaklah di-kembalikan kepada guru2 mereka dan bagi sekolah yang tidak mempunyai Pengelola hendaklah di-serahkan ka-Bahagian Pelajaran Dewasa, Jabatan Pelajaran tidak lewat pada 28hb. September.

Rekrut2 pulis di-kehendaki

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pulis Diraja Brunei mengkehendaki rekrut2 baru untuk berkhidmat dengan pasokan itu. Latehan di-jadualkan akan bermula dalam pertengahan bulan Oktober hadapan.

Pemohon2 mesti-lah raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan dan maseh bujang. Berumur di-antara 18 dan 28 tahun. Tinggi badan sekurang2-nya 5 kaki 2 inchi. Mesti-lah lulus tidak kurang dari Darjah VI Melayu atau Inggeris.

Pemohon2 yang mempunyai kelulusan pelajaran yang tinggi ada-lah sangat2 di-kehendaki.

Keterangan2 lanjut mengenai dengan gaji dan sharat2 pekerjaan boleh di-dapati dari Balai2 Pulis.

Pemohon2 yang ingin memasuki lapangan ini boleh-lah datang ka-tempat2 saperti berikut untuk di-temu-duga oleh pegawai pengambilan.

Pada 9hb. September, rombongan pengambilan itu akan berada di-Balai Pulis Bandar Seri Begawan mulai jam 8.00 pagi.

Bagi pemohon2 di-Daerah Tutong, rombongan pengambilan itu akan berada di-Balai Pulis Tutong pada hari Isnin 11hb. September mulai jam 8.00 pagi.

Rombongan pengambilan itu akan berada di-Balai Pulis Seria pada hari Selasa 12hb. September pada jam 8.00 pagi dan pada hari itu juga rom-

bongan itu akan berada di-Balai Pulis Kuala Belait pada jam 2.00 petang.

Semua pemohon2 hendaklah membawa bersama mereka kad pengenalan, surat beranak dan sijil persekolahan apabila menghadhiri temu-duga itu.

W. I. anjorkan Peraduan Kesihatan Kanak2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Brunei atau W.I. akan menganjorkan Peraduan Kesihatan Kanak2 pada 15hb. September di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Peraduan tersebut, yang merupakan projek tahunan pertubuhan itu akan terbahagi kepada dua bahagian, ia-itu bahagian kanak2 yang berumur 4 hingga 11 bulan dan kanak2 yang berumur 12 hingga 24 bulan.

Borang2 untuk menyertai peraduan itu boleh di-dapati dari Dayang Halimah binte Haji Said di-Pejabat Kebajikan, Dayang Rosni binte Mohamed Yassin di-Kampung Pelambayan, Dayang Meriam binte Mohamed Noh di-Kampung Pintu Malim, Dayang Jamilah binte Mohamed Noor di-Kampung Bunot atau di-klinik2 Bandar Seri Begawan.

Hadih2 akan di-sampaikan oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Pengiran Anak Zariah.

PERTUNJOKKAN PERTANIAN

KUALA BELAIT. — Pertunjokkan Pertanian Daerah Belait akan di-adakan di-Asrama Puteri Maktab Anthony Abell, Seria pada 23hb. September.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pertanian di-Kuala Belait menyatakan, ada-lah di-jangka beberapa bahagian jabatan itu akan mengambil bahagian dalam pertunjokkan itu.

Bahagian haiwan akan menunjokkan ternakan lembu dengan chara2 mengimpor lembu jenis Santa Getrudis.

Ia-nya juga akan mengadakan pertunjokkan chara2 menternak ayam.

Bahagian parit dan tali ayer akan menunjokkan bagaimana peladang2 boleh membantu diri mereka sendiri untuk membaiki jagaan ayer di-sawah2 padi mereka.

Peperiksaan Bahasa Jepun dan China

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perpeperiksaan bahasa Jepun dan China bagi pelajar2 dalam kelas2 dewasa di-negeri ini akan di-adakan dalam bulan Disember tahun ini.

Perpeperiksaan bahasa Jepun akan di-adakan pada 11hb. dan 12hb. Disember, dan perpeperiksaan bahasa China pada 12hb. dan 13hb. Disember.

Perpeperiksaan itu akan di-adakan di-Sekolah Melayu Pesar Ulak, Bandar Seri Begawan.

Bayaran masuk bagi satu mata pelajaran ia-lah \$2.00.

Pelajar2 yang ingin hendak mengambil perpeperiksaan tersebut hendaklah mendaftarkan nama kepada guru2 mereka dan mendapatkan sukongan daripada mereka.

Borang2 permohonan yang sekarang boleh di-dapati dari Jabatan Pelajaran hendaklah di-kembalikan tidak lewat dari 28hb. September.

Gerai2 makan di-Kuala Belait mulai di-buka

KUALA BELAIT. — Gerai2 makan yang baru di-Kuala Belait yang telah di-bena di-kawasan antara Kastam Diraja dan Champion Motors telah di-buka kepada orang ramai buat pertama kali-nya pada

1hb. September yang lalu.

Makanan orang2 Islam serta m'numan ringan sedang di-jual di-gerai2 tersebut.

Penjual2 di-gerai tersebut telah di-beri perluang perchuba-

an untuk menjual barang2 makanan serta minuman dengan tidak di-kenakan bayaran sewa sa-lama tiga bulan serta bekalan ayer dan letrik di-beri dengan perchuma.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



LEBEH kurang sa-tahun sa-tengah sa-belum Tahun Hijrah, Nabi Mohammad s.a.w. telah menjalani peristiwa penting dalam sejarah. Peristiwa tersebut berlaku pada bulan Rajab dan terkenal sa-bagai Isra' dan Me'raj Nabi Mohammad s.a.w.

Di-antara tujuan Isra' dan Me'raj Baginda itu ia-lah untuk menyaksikan sa-bahagian daripada tanda2 keagongan dan kebesaran Allah Subhanahu-Wataala di-alam ga'ib dan untuk menerima anugerah kewajipan sembahyang lima waktu untuk Baginda dan umat Baginda.

Di-antara tanda2 keagongan dan kebesaran Allah Subhanahu-Wataala yang telah di-saksikan oleh Baginda Rasulullah di-malam peristiwa yang ajaib dan peno' rahsia itu ia-lah Rasul2 terdahulu daripada Baginda yang mana mereka itu telah memberikan uchap selamat serta mengalu2kan kedatangan Baginda.

Baginda telah juga dapat menyaksikan keindahan shorga dengan segala nikmat yang terdapat di-dalam-nya serta kedahshatan neraka dengan segala rupa seksa yang terdapat di-dalam-nya. Dan malam itu Baginda Rasulullah telah juga di-perlihatkan gambar2an nikmat yang di-kurniakan kepada orang2 yang beriman dan beramal salih dan gambar2an seksa yang di-timpakan kepada orang2 yang engkar dan berbuat derhaka kepada Allah.

Semua perkara2 tersebut telah di-cheritakan oleh Rasulullah s.a.w. kepada umat-nya untuk di-jadikan iktibar dan pengajaran supaya mereka itu akan lebeh beringat dan waspada untuk menghadapi alam akhirat yang kekal abadi itu.

Menerusi Isra' dan Me'raj itu kita mendapati suatu hakikat bahawa pada hari akhirat itu kita tidak akan dapat lari

Baginda Rasulullah di-perlihatkan gambaran2 seksa ka-atas orang2 yang engkar



KHUTBAH JUMA'AT

"Pada hari akhirat, kita tidak dapat lari dari dua tempat kediaman ia-itu shorga atau pun neraka"

dari dua tempat kediaman ia-itu sama ada shorga atau pun neraka. Allah Subhanahu-Wataala telah berianji bahawa orang2 yang benar2 beriman dan beramal salih di-dunia akan di-tempatkan di-shorga, manakala orang2 kafir atau orang2 yang engkar serta membuat derhaka kepada Allah akan di-tempatkan di-neraka.

Menyedari akan hakikat ini ada-lah penting dan wajib sa-tiap orang terus menerus berusaha menjadikan diri-nya sa-bagai sa-orang mu'min yang sa-iati dan patoh serta ikhlas pada mengerjakan amal salih sesuai dengan kehendak2 Ugamma Islam.

Bila kita menganjorkan supaya sa-tiap orang membuat persediaan2 untuk menghadapi hari akhirat yang pasti akan kita tempoh itu bukan-lah berarti kita terpaksa membelakangi kegatan2 untuk mendapatkan kebahagiaan hidup di-dunia ini kerana apa yang dikehendaki dengan mengerjakan amal salih itu termasuk-lah

juga segala pekerjaan2 yang berkebiasaan dan sesuai dengan ajaran2 Islam.

Oleh yang demikian berse-dialah dari sekarang untuk menghadapi alam akhirat itu sa-belum kita berpisah dari alam dunia ini, kerana pada hari itu segala sa-suatu yang berada di-sekeliling kita tidak akan berkuasa lagi menolong kita — semua-nya tidak berfaedah lagi buat menolong kita.

Harta kekayaan tidak boleh di-bawa bersama dan anak pinak tak akan sudi mengikut kita bersamadi di-liang lahat, yang sudi ia-lah amal kebajikan yang telah kita kerjakan sa-masa kita berada di-alam dunia. Ini-lah sahaja satu2-nya teman yang sanggup membela nasib kita di-akhirat kelak. Mudah2an dengan kemurahan dan rahmat Allah Subhanahu-Wataala kita semua akan termasuk daripada orang2 yang akan di-tempatkan di-dalam shorga. Amin yang rabbal alamin.

Pertandingan Quran peringkat Daerah Br/Muara: 20 qari dan qari'ah akan bertanding

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 20 orang qari dan qari'ah akan mengambil bahagian dalam pertandingan membaca kitab suci Al-Quran Peringkat Daerah Brunei/Muara yang akan di-adakan pada 8hb. September di-Dewan Madrasah, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan mulai jam 7.45 malam.

Pertandingan itu akan di-rasmikan oleh Kadhi Besar, Yang Berhormat Begawan Pehin Khatib Dato Utama Awang Haji Metali bin Matyassin semantara hadiah2 akan di-sampaikan oleh Timbalan Kadhi Besar, Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal.

Pertandingan itu di-adakan bagi memilih lima orang wakil, tiga orang qari dan dua orang qari'ah ka-pertandingan membaca Quran peringkat negeri yang akan di-adakan pada 29hb. dan 30hb. September di-Lagoon Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

Orang ramai khas-nya kaum muslimin ada-lah di-persilakan hadir menyaksikan pertandingan tersebut.

Tiga orang peserta di-pilih untuk wakili Daerah Tutong

PEKAN TUTONG. — Awang Hamdan bin Haji Nawang dan Dayang Latifah binte Libut masing2 telah di-pilih sa-bagai johan qari dan qari'ah dalam pertandingan membaca Al-Quran peringkat Daerah Tutong yang telah di-adakan di-Mesjid Hassanah Bolkiah pada minggu lalu.

Awang Abdul Mulok bin Mohammad Jaya telah berjaya mendapat tempat kedua dalam bahagian lelaki dan pemenang ketiga ia-lah Awang Alimas bin Mohammad Daud.

Dalam bahagian wanita, Dayang Rafiah binte Hassan mendapat tempat kedua semantara Dayang Mastura binte

Abidin mendapat tempat ketiga.

Awang Hamdan, Awang Abdul Mulok dan Dayang Latifah akan mewakili Daerah Tutong ke-pertandingan membaca Quran peringkat seluruh negeri yang akan di-adakan di-Bandar Seri Begawan pada 29hb. dan 30hb. September ini.

Sa-ramai lapan orang qari dan qari'ah telah mengambil bahagian dalam pertandingan peringkat daerah itu.

Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Dato Paduka Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh telah merasmikan pertandingan itu, semantara hadiah2 kepada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 6hb. September, 1972 hingga ka-hari Selasa 12hb. September, 1972 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
6hb. Sept.	12-23	3-39	6-28	7-40	4-40	4-55	6-12	
7hb. Sept.	12-23	3-39	6-28	7-40	4-40	4-55	6-12	
8hb. Sept.	12-23	3-39	6-28	7-40	4-40	4-55	6-12	
9hb. Sept.	12-23	3-39	6-28	7-40	4-40	4-55	6-12	
10hb. Sept.	12-23	3-39	6-28	7-40	4-40	4-55	6-12	
11hb. Sept.	12-22	3-38	6-26	7-39	4-39	4-54	6-11	
12hb. Sept.	12-22	3-38	6-26	7-39	4-39	4-54	6-11	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

(6hb. Septembar, 1972).

MERUJOK
KAPADA BUKU

KEKUATAN ingatan bagi sa-
seorang manusia umum-
nya ada-ian tidak lengkap dan
ia-nya hanya dapat di-engkap-
kan dengan bantuan chaetan2
yang di-perturunkan ka-dalam
buku.

Apabila kita memikirkan ba-
hawa satu2 perkara yang men-
jadi peringatan penting itu, apa
lagi jika ia-nya merupakan ba-
han2 yang boleh membantu
pengetahuan kita, maka mem-
bukukan-nya ada-lah satu usa-
ha yang selamat, di-samping
ia-nya dapat di-jadikan warith
kapada keturunan2 kita yang
akan datang.

Buku yang boleh memberi-
kan pengetahuan2 yang perlu,
baik mengenai dengan ilmu ke-
maharakatan yang banyak ra-
gam apa lagi yang merupakan
bahan2 pengetahuan khusus,
seperti pengetahuan agama adal-
ah menjadi teman yang dapat
memberikan pengetahuan ka-
pada kita dengan baik-nya.

Di-tujuan kapada Umat
Islam di-negeri ini bahawa ki-
ta menyedari yang diri kita itu
tidak semua-nya mengetahui
selok-belok agama kita dengan
leleh mendalam, sedangkan
pengetahuan yang sa-umpama-
nya ada-lah perlu bagi sa-tiap
orang Islam supaya ia-nya ti-
dak sumbang dalam agama-nya
sendiri.

Dalam membantu orang2
Islam di-negeri ini supaya
mempunyai peluang yang leleh
luas pada menambahkan pen-
getahuan mereka tentang agama
mereka itu sendiri, maka Ba-
hagian Penerangan, Jabatan
Hal-Ehwal Uagama telah melak-
sanakan beberapa usaha yang
berharga.

Sa-lama ini, kita tidak han-
ya di-sogokkan dengan pertun-
jukan2 wayang gambar yang
terdahulu dari itu di-sampai-
kan sharahan2 agama, meng-
adakan kelas2 agama, meng-
adakan sharahan2 khas, forum
dan sa-umpama-nya, tetapi ki-
ta juga sudah mula di-bawa ka-
arah bidang pembachaan.

Sa-jauh ini, Jabatan itu te-
lah menerbitkan enam buah
buku khas termasuk Buku Taf-
sir Darussalam dan tidak ter-
masuk majalah yang di-terbit-
kan-nya sa-chara tetap.

Keistimewaan buku2 yang
di-terbitkan-nya sa-lama ini
ia-lah di-dasarkan kapada ke-
kuatan daya penerima orang2
Islam Brunei sendiri dan sega-
la kandungan-nya di-sampaikan
dengan cara yang mudah un-
tok di-fahamkan.

Berbagai2 masalah meng-
enai Islam telah di-susun bagi-
tu rupa yang tidak hanya
mengenai apa yang patut di-
kerjakan dan apa yang mesti
di-tinggalkan menurut ajaran2
Islam, tetapi juga kita di-ajak
sama2 memikirkan, apakah
benar Uagama Islam itu sempit
atau sebakel-nya.

Kita kira masalah yang
merachuni pemikiran orang2
Islam itu akan dapat di-ubati
melalui buku baru yang di-
terbitkan oleh jabatan itu yang
di-beri tajok pertanyaan "be-
narkah Uagama Islam statik dan
konservatif" atau dengan kata2
yang lain, benarkan Uagama
Islam itu beku dan tidak me-
nurut aliran zaman dan meng-
amalkan fahaman2 yang kuno.

GAMBAR2 DI-SEKITAR PERKAHWINAN DIRAJA



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-
Pertuan Negeri Brunei dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Ba-
ginda Raja Isteri berangkat tiba di-rumah Yang Mulia Pengiran
Dato Paduka Haji Abdul Rahman untuk menyaksikan Istiadat Ber-
sanding Perkahwinan Diraja antara Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengi-
ran Muda Jefri Bolkiah dan Yang Mulia Pengiran Norhayati binte
Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman.



Duli Yang Teramat Mulia Padu-
ka Seri Begawan Sultan kelihatan
kerikan membuboh inai di-tapak
tangan Yang Mulia Pengiran
Norhayati di-Istiadat Berinai
Diraja yang telah berlangsung
pada malam Khamis lepas.



Kedua2 mempelai Diraja Y.T.M. Seri Pa-
duka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah
dan Yang Mulia Pengiran Norhayati me-
nadah tangan mengaminikan do'a atas se-
lamat berlangsung-nya Persandingan Di-
raja yang telah di-bachakan oleh Yang
Di-Muliakan Pehin Datu Seri Maharaja
Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin
Omar Abdul Aziz.

Wajah pengantin perempuan, Yang Mulia
Pengiran Norhayati binte Pengiran Dato
Paduka Haji Abdul Rahman.

Dua keping gambar di-bawah menun-
jukkan suasana perarakan Pengantin Diraja
yang telah di-saksikan oleh leleh dari
15,000 orang rayat dan penduduk negeri
ini yang berbaris di-sepanjang jalan yang
di-lalui oleh perarakan tersebut.




Kedua2 Mempelai Diraja, Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda
Jefri Bolkiah dan Y.M. Pengiran Norhayati bersanding di-Istiadat
Muleh Tiga Hari yang telah berlangsung di-rumah kediaman Yang
Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman pada hari Ahad
lepas.



Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengi-
ran Muda Jefri Bolkiah berangkat
di-rumah kediaman pengantin
perempuan untuk menjalani Isti-
adat Bersanding Diraja.



Pengantin perempuan, Yang Mulia Pengiran Norhayati ketika di-
bawa untuk menjalani Istiadat Berinai Diraja yang telah berlang-
song di-rumah kediaman Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji
Abdul Rahman.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-
Pertuan Negeri Brunei kelihatan sedang membuboh inai ka-atas tapak
tangan Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah di-
Istiadat Berinai Diraja yang telah di-adakan di-Balai Singgahsana
Istana Darul Hana pada malam Khamis lepas.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah
ketika berangkat ka-Balai Singgahsana Istana Darul Hana untuk men-
jalani Istiadat Berinai Diraja yang telah berlangsung pada malam
Khamis yang lalu.



Kedua2 Mempelai Diraja dengan di-iringkan oleh kekanda pengantin
perempuan, Awangku Suhaimi ketika berangkat untuk menjalani per-
arakan mengelilingi Bandar Seri Begawan untuk di-perkenalkan ka-
pada rayat jelata.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri daripada ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenuhi jawatan2 kosong yang berikut:-

DI-BAHAGIAN EKONOMI DAN PERANGKAAAN, PEJABAT SETIA USAHA KERAJAAN

A. PENYELIA MESHEN

Sukatan Gaji:

C.1 EB.2 — \$610-640-680/EB/710x30-950.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- mempunyai Diploma dari2 mana2 Instituit yang di-iktiraf lulus mata-pelajaran Ilmu

Hisab di-peringkat 'O', atau pun telah menjalani latihan dan mempunyai pengalaman bekerja dalam lapangan yang sama;

- boleh membaca dan menulis dalam bahasa Melayu dan Inggeris dengan faham.

B. PEGAWAI PENELITIAN

Sukatan Gaji:

C.1 EB.2 — \$610-640-680/EB/710x30-950.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- mempunyai Diploma dari mana2 Instituit yang di-iktiraf, lulus mata-pelajaran Ilmu Hisab di-peringkat 'O'; atau pun telah menjalani la-

tehan dan mempunyai pengalaman bekerja dalam lapangan yang sama;

- boleh membaca dan menulis dalam bahasa Melayu dan Inggeris dengan faham.

C. KERANI PERANGKAAAN

Sukatan Gaji:

D. 1-2-3 EB.4 — \$230x10-290x15-380-410x20-510 / EB / 540x20-660.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia aliran Inggeris, atau pun lulus 4 mata pelajaran termasuk Ilmu Hisab di-peringkat 'O' G.C.E.
- boleh membaca dan menulis dalam bahasa Melayu dan Inggeris dengan faham.
- keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja2 Perangkaan dan/atau pernah mengambil bahagian dalam projek2 Perangkaan seperti Banchi Penduduk dan Pertanian, Pengkajian Demography, dll.

Tugas2:

Chalun yang terpilih mungkin di-kehendaki bertugas di-luar pejabat.

DI-PEJABAT DAERAH BRUNEI/MUARA

D. TRADESMAN TINGKATAN KHAS

Sukatan Gaji:

D.3 — \$410x20-510.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- lulus sekurang2-nya Darjah V Melayu atau yang sebanding dengan-nya;
- telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya selama 5 tahun, tiga tahun daripada tempoh tersebut sa-bagai Fitter;
- boleh memperbaiki dan memelihara jentera2 berat dan ringan, yang menggunakan petrol dan diesel, seperti truck, Land Rover, Wheel Loader (Brav dan Caterpillar), Grader, Roller, Fordson dan injin2 out-board;
- mempunyai lesen memandu kelas 3 dan 5 yang sah;
- berumur di-antara 30 hingga 40 tahun.

DI-JABATAN LAUT

E. KELASI TINGKATAN II, BAHAGIAN DEK

Sukatan Gaji:

F.2 EB. 3 — \$200x5-\$215/EB/220x5-240.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 16 tahun dan sebak2-nya tidak lebih dari 22 tahun dan telah tamat Darjah VI Melayu atau yang sebanding dengan-nya;
- mesti-lah sehat dan berbadan tegap, mempunyai penglihatan yang baik; boleh berenang tidak kurang dari 220 ela.

DI-JABATAN HAL EHWAL UGAMA, JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

K. PENYELANGGARA SETOR TINGKAT II

Sukatan Gaji:

D.2 EB. 3 — \$290x15-380/EB/410x20-510.

Kelayakan2:

Chalun2 untuk di-lantik ka-jawatan ini mesti-lah berumur sekurang2-nya 17 tahun dan lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya.

DI-PEJABAT TANAH

L. PENOLONG PENAKSIR

Sukatan Gaji:

D. 1-2-3 EB.4 — \$230x10-290x15-380-410x20-510 / EB / 540x20-660.

Kelayakan2:

- lulus Tingkatan V atau M.C.E. dalam aliran Inggeris dan mesti-lah boleh bertutor dan menulis dalam bahasa Melayu dengan faham;
- kebolehan menaip ada-lah perlu.

DI-JABATAN HAL EHWAL UGAMA

M. PEMBANTU TEKNIK

Sukatan Gaji:

D. 1-2-3 EB.4 — \$230x10-290x15-380-410x20-510 / EB / 540x20-660.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang boleh memperbaiki kerosakan2 injin outboard, projector atau kereta.

DI-JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

N. MEKENIK MOTOR SANGKUT

Sukatan Gaji:

E. 1-2 EB. 3 — \$220x10-290/EB/300x10-350.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 25 hingga 40 tahun dan telah berkhidmat sekurang2-nya selama 5 tahun sebagai Pemandu Motor Sangkut;
- mesti-lah boleh memperbaiki semua jenis injin outboard;
- mesti-lah tahu membaca dan menulis.

DI-PEJABAT DAERAH TEMBURONG

O. PEMANDU TINGKATAN II

Sukatan Gaji:

F.3 — \$220x5-240.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 20 hingga 35 tahun dan tahu membaca dan menulis;
- mesti-lah terdiri daripada pemandu2 yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu yang sah kelas 3 dan 5 dan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu;
- boleh memperbaiki kerosakan2 kecil;
- Keutamaan akan di-beri kepada orang2 yang tinggal di-Daerah Temburong

Permohonan2 mesti-lah di-pohonkan di-dalam borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aakuan dan siji2 kepada-nya tidak lewat daripada 25hb. September, 1972.

DI-JABATAN HAL EHWAL UGAMA

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri daripada ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenuhi jawatan2 kosong di-Jabatan Hal Ehwah Ugama, Brunei.

A. PEMERAKSA SEKOLAH2 UGAMA

Sukatan Gaji:

U.7 — \$890x30-950-1000x30-1060.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- mempunyai Sijil Kelulusan Perguruan Ugama Brunei dan mempunyai sekurang2-nya 10 tahun pengalaman sa-bagai Guru Ugama;
- perlu juga mempunyai sa-banyak sedikit pengalaman dalam pentadbiran pejabat;
- berumur antara 25 hingga 40 tahun.

B. PENDAFTAR MAHKAMAH KADHI

Sukatan Gaji:

C.2 — \$710x30-950.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya sa-lama 10 tahun;
- mempunyai pengetahuan Ugama Islam dan mesti-lah boleh menulis dan membaca Jawi;
- sa-lain daripada syarat2 (i) dan (ii) keutamaan akan di-beri kepada mereka yang mempunyai kelulusan pelajaran yang lebih tinggi.

C. PENGARANG

Sukatan Gaji:

C.2 — \$710x30-950.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- pemohon2 mesti-lah terdiri dari orang2 Melayu, lulus S.P.M. atau yang sebanding dengan-nya serta mempunyai pengalaman dalam kerja karang-mengarang;
- mempunyai pengetahuan Ugama Islam.
- mesti-lah tahu membaca dan menulis Jawi.

D. MERINYU KANAN HAL EHWAL UGAMA

Sukatan Gaji:

D.3 EB.4 — \$410x20-510/EB/540x20-660.

- mempunyai S.R.P. dan pengetahuan baik dalam Ilmu Pengetahuan Ugama Islam; atau pun
- telah berkhidmat sekurang2-nya sa-lama 5 tahun sa-bagai Merinyu Hal Ehwah Ugama.

E. MERINYU HAL EHWAL UGAMA

Sukatan Gaji:

E.3 — \$300x10-350.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- pemohon2 mesti-lah terdiri daripada orang2 Melayu beragama Islam, berumur di-antara 20 hingga 35 tahun serta mempunyai pengetahuan da-

lam ajaran Ugama Islam;

- mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu;

- satu peperiksaan mengenai pengetahuan Ugama Islam akan di-adakan bagi chalun2 yang memohon jawatan ini.

F. JURUTAYANG KANAN

Sukatan Gaji:

D.3 — \$410x20-510.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- lulus sekurang2-nya Tingkatan II atau yang sebanding dengan-nya;
- mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman dalam hal tayangan wayang gambar bagi projector2 16MM dan 35MM, alat2 pembesar suara serta boleh memperbaiki kerosakan2 kecil;
- berumur antara 25 hingga 40 tahun.

G. MERBUT: MESJID HASANAL BOLKIAH, TUNONG.

Sukatan Gaji:

U.1 — \$190x5-230x10-270.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- berumur di-antara 20 hingga 45 tahun;
- mesti-lah mahir membaca Al-Quran dan mengetahui hukum2 Ugama Islam;
- mengetahui dan bersedia untuk menyempurnakan Fardhu Kifayah bila2 masa di-kehendaki.

H. KETUA TUKANG MASAK

Sukatan Gaji:

E. 1-2 EB.3 — \$220x10-290/EB/300x10-350.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- pemohon2 mesti-lah terdiri dari orang2 Melayu, berumur tidak kurang dari 30 tahun dan mempunyai pengalaman memasak di-Mess/Kantin atau restoran.
- mesti-lah mempunyai pengalaman menyelia tukang2 masak, menjaga dan memeriksa barang2 yang di-bekalkan dan menyediakan jadual2 makanan serta makan minum.

I. TUKANG MASAK

Sukatan Gaji:

F.3 — \$220x5-240.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- pemohon2 mesti-lah terdiri dari orang2 Melayu, berumur tidak kurang dari 30 tahun dan mempunyai pengalaman memasak di-Mess/Kantin atau restoran.

Permohonan2 mesti-lah di-pohonkan di-dalam borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 28hb. September, 1972.

KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA

No. 41/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Omin anak Jaro, Tapang Lupak, Labi, Ulu Belait, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Malaya anak Samba yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia itu si-pemohon ia-lah saudara pupu sakali kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 12 hariulan September, 1972 pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sebelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 30 hariulan Ogos, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 40/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Anna Magi binte Anyar, No. 574, Los Tanjong, B.S.P. Co. Ltd. Qrs., Kuala Belait, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Petrisa binte Sungai yang telah meninggal dunia dengan sebab ia itu si-pemohon ia-lah ibu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 12 hariulan September, 1972 pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan

perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sebelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 30 hariulan Ogos, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 33/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Buah bin Sambang @ Bua, No. 3, Kampong Merangking, Bukit Sawat, Ulu Belait kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Sambang bin Belangan yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait dengan sebab ia itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 12 hariulan September, 1972 pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sebelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 30 hariulan Ogos, 1972.

ADMINISTRATION SUIT

No. 34 OF 1972.

Application to this Court having been made by Chan Loi Tai of Lot No. 2026 or P.O. Box No. 46, Seria, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and

effects of Loh Kok Tong late of Seria, Brunei deceased on the ground that applicant is lawful widow of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Court-house at Kuala Belait on the 12th day of September, 1972 at 9.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 30th day of August, 1972.

ADMINISTRATION SUIT

No. 35 OF 1972.

Application to this Court having been made by Liew Ee Kiew of Lot No. 2225, Jalan Bunga Raya, Kuala Belait, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Chong Fan Seng late of Kuala Belait, Brunei deceased, on the ground that applicant is lawful wife of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Court-house at Kuala Belait on the 12th day of September, 1972 at 9.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 30th day of August, 1972.

ADMINISTRATION SUIT

No. 36 OF 1972.

Application to this Court having been made by Tan Koi Yong of No. 42, Jalan Bunga Melor, Seria, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Tan Angan late of Kuala Belait, Brunei on the ground that applicant is lawful brother of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Court-house at Kuala Belait on the 12th day of September, 1972 at 9.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 30th day of August, 1972.

ADMINISTRATION SUIT

No. 37 OF 1972.

Application to this Court having been made by Ng Kim Siang of No. 34, Jalan Sultan Omar Ali, Seria, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Yong Ah Jee late of Kuala Belait, Brunei deceased, on

the ground that applicant is adopted daughter of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Court-house at Kuala Belait on the 12th day of September, 1972 at 9.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 30th day of August, 1972.

ADMINISTRATION SUIT

No. 38 OF 1972.

Application to this Court having been made by Goh Kee Toh, Bernard Goh Ai Ming, Tiong King Bing, Wong Ing Huang, Wong Eng Hong, Jing Bing, Sahari @ Zainal & Wong Lay Sing all of P.O. Box No. 98, Seria, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Wong Hing Kee @ Wong Heng Kee late of Seria, Brunei deceased, on the ground that applicants are co-partners of Hiap Hong Sawmill Company, Kuala Belait of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Court-house at Kuala Belait on the 12th day of September, 1972 at 9.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 30th day of August, 1972.

ADMINISTRATION SUIT

No. 39 OF 1972.

Application to this Court having been made by Madam Tan Yuk, care of Mr. Yeoh Seow Kiang, Bekalan Ayer, J.K.R., Seria State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Yapp Chok alias Yeep Chok late of Seria, Brunei deceased, on the ground that applicant is lawful wife of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Court-house at Kuala Belait on the 12th day of September, 1972 at 9.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 30th day of August, 1972.

MD. ALI BIN DAUD.

Tim. Pegawai Penguasa Warith, Negeri Brunei.

JAWATAN2 KOSONG

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan yang terdiri daripada ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan kosong sa-bagai Pemereksa Kenderaan di-Jabatan Kenderaan Darat, Brunei.

Sukatan Gaji:

C.1 EB. 2 — \$610 — 640-680/- EB/710x30-950.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(i) chalu2 mesti-lah lulus Tingkatan II Inggeris atau yang sebanding dengan-nya dan Darjah V Melayu;

(ii) chalu2 mesti-lah mempunyai Sijil Sekolah Pertukangan dalam Bahagian Mechanical Engineering dari Sharikat B.S.P. atau lain2 sijil yang sebanding; atau chalu2 mesti-lah pernah berkhidmat di-sebuah Jabatan Kejuruteraan sa-bagai Foreman Mechanic sekurang2-nya sa-lama lima tahun atau pun mempunyai pengetahuan baik dalam tugas2 pentadbiran dan teknikal sa-seorang Pemereksa Kenderaan;

(iii) chalu2 mesti-lah mempuny

nyai lesen pemandu untuk memandu kenderaan2 kelas 1 dan 4.

Tugas2:

Memeriksa kenderaan2 dan menyediakan laporan2 kerosakan; memeriksa dan menyediakan laporan2 mengenai kenderaan2 yang terlibat dalam kemalangan jalan raya; menguji pemohon2 bagi mendapat lesen2 pemandu; membantu dalam kerja2 am di-pejabat. Pemereksa2 Kenderaan mungkin juga di-kehendaki bertugas pada hari2 Jumaat. Ahad dan Hari Kelepasan Awam sekiranya mereka di-kehendaki oleh pihak polis untuk memeriksa kenderaan2 yang terlibat dalam kemalangan jalan raya.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua Jabatan, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan sa-satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-pemohonkan di-dalam borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 23hb. September, 1972.

Kerajaan senentisa mengambil berat tentang perkembangan pelajaran — Awg. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pesuruhjaya Buroh, Awang Md. Ali bin Haji Awang Besar telah berkata bahawa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sangat2 mengambil perhatian berat tentang perkembangan pelajaran di-negeri ini.

Pesuruhjaya Buroh itu telah berucap demikian di-pembukaan rasmi Pameran Seni Lukis dan Pertukangan Tangan bagi sekolah2 rendah dan menengah Melayu seluruh negeri di-Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu lepas.

Beliau seterusnya berkata, pelajaran menjadi urat nadi kemajuan sa-sebuah negara yang sedang membangun seperti Brunei dan ia-nya tentu-lah menjadi kewajipan Jabatan Pelajaran menjalankan peranan yang besar itu bagi menjamin kehidupan masyarakat dan penduduk Brunei.

Awang Ali juga menggesa pelajar2 muda yang mempunyai bakat seni supaya terus berusaha dalam bidang kemahiran mereka.

Terdahulu dari itu, Pengarah Pelajaran, Dato Seri Paduka Awang Malcolm MacInnes dalam ucapan-nya telah menerangkan pameran seni lukis dan pertukangan tangan telah di-mulakan sejak tahun 1966 sa-bagai projek tahunan Jabatan Pelajaran.

Beliau menerangkan pameran itu di-adakan bagi mendorong bakat2 seni dari pelajar2 muda dengan harapan supaya mereka akan dapat menggunakan asas2 yang ada dengan baik-nya.

Keputusan pameran itu adalah seperti berikut:—

Bahagian sekolah2 rendah yang terbaik: Pertama — telah di-menangi oleh Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Tiga, tempat kedua di-menangi oleh Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Dua dan Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Satu telah mendapat tempat ketiga.

Bahagian sekolah2 menengah yang terbaik: Pertama — di-menangi oleh Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait; kedua — Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong; dan pemenang ketiga ia-lah Sekolah Menengah Melayu SMJA.

Hadih2 telah di-sampaikan oleh Awang Mohamed Hassan bin Haji Mohamed Yusof, Pegawai Pentadbir di-Jabatan Pelajaran.

Pameran itu terbuka kepada orang ramai dari jam 8.00 pagi hingga 9.00 malam sa-hingga 9hb. September ini.



Awang Md. Ali dengan di-iringi oleh Pengarah Pelajaran, Dato Seri Paduka Awang MacInnes ketika menyaksikan sa-bahagian dari hasil kerja-tangan yang di-pamerkan.

371 orang tunaikan haji tahun ini

(Dari muka 1)

sa; 123 orang perempuan dewasa; 19 orang kanak2 lelaki dan 9 orang kanak2 perempuan. Di-antara mereka itu termasuk-lah sa-orang bayi, Khairuddin bin Md. Tahir yang berumur lebeh sedikit sa-tahun.

Walau macham mana pun, sa-orang juruchapak dalam bahagian urusan haji menyatakan bahawa bilangan mereka itu masih belum di-tetapkan lagi, kerana pendaftaran untuk pergi dengan kapal terbang itu masih lagi di-bukakan.

Dalam minggu lepas, bakal jemaah2 haji itu telah pun di-pinta menjelaskan wang pendahuluan sa-banyak \$675.00 bagi orang2 dewasa dan \$340.00 bagi kanak2.

Tarikh2 akhir untuk menjelaskan wang pendahuluan itu bagi

Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Belait telah di-tetapkan dalam minggu lepas, kecuali bagi Daerah Temburong yang di-tetapkan pada hari ini.

Waktu2 pembayaran wang pendahuluan di-Temburong pada hari ini ia-lah antara pukul 10.30 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Pembayaran wang pendahuluan itu ada-lah untuk penyaluran urusan pentadbiran dan bagi menentukan bilangan bakal2 haji yang benar2 akan pergi menunaikan fadhu haji itu.

Jemaah2 haji Brunei yang telah mendaftar untuk menaiki kapal laut pada tahun ini ia-lah sa-ramai 72 orang, tetapi bilangan ini di-katakan telah kurang kerana ramai di-antara mereka telah memilih untuk menaiki kapal terbang.

Perarakan Pengantin Diraja

(Dari muka 1)

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin.

Di-anara pembesar2 negara yang turut serta dalam perarakan itu ia-lah Y.T.M. Seri Paduka Duli Pg. Perdana Wazir Sahibul Himamah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkih, Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Laila Utama Awang Isa, ahli2 kerabat Diraja, Y.T.M. Seri Paduka Duli2 Wazir, Pemangku Menteri Besar, Y.A.M. Pg. Dipa Negara, Pengiran Momin, Y.A.M. Cheteria2, Pengiran2, Pehin2 dan pegawai2 kanan Kerajaan.

Sementara itu, istiadat Muleh Tiga Hari Pengantin Diraja itu telah sempurna di-langsungkan pada hari Ahad lepas yang mana pada sa-belah malam-nya telah di-langsungkan Istiadat Bersantapan Diraja di-Taman Istana Darul Hana.

Perayaan bagi pengantin Diraja itu telah pun di-tamatkan apabila berlangsung Istiadat Menutup Gendang Jaga-Jaga dan membaca do'a selamat di-Balai Pemajangan Indera Kenchana, Istana Darul Hana pada hari Isnin yang baru lalu, 4hb. September, 1972.

Beneh2 padi perchuma

BANDAR SERI BEGAWAN.

Jabatan Pertanian akan memberi perchuma berbagai2 jenis beneh2 padi yang baru dalam musim menanam padi tahun 1972/73. Jenis2 padi yang baru itu ia-lah seperti jenis Bahagia, jenis IR20, IR22 dan termasuk juga jenis2 beneh padi tempatan yang telah di-akui baik seperti Radin China dan Langsat Kuning.

Penanam2 padi yang ingin hendak mendapatkan beneh2 jenis baru ini di-minta berhubung dengan Pegawai2 Perkembangan Pertanian yang ditugaskan di-kampong2, atau lebeh baik berhubung sa-chara langsung ka-Pusat Pertanian.

Tamu di-Bandar Seri Begawan di-pindah

MULAI dari hari Khamis 7hb. September, Tamu di-Bandar Seri Begawan akan di-adakan di-satu kawasan berhadapan dengan Panggong Boon Pang Baru.

Tamu itu hanya akan di-adakan mulai dari pukul 4.00 petang tiap2 hari Khamis hingga ka-pukul 12.00 tengah hari Jumaat. Tamu itu akan juga di-adakan mulai dari pukul 4.00 petang tiap2 hari

\$125,105.00 di-bayar dlm bulan Ogos.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Penchen2 Negara, Brunei- telah membayar sa-banyak \$125,105.00 untuk perkhidmatan kebajikan penchen2 di-seluruh negeri bagi bulan Ogos yang lalu.

Menurut penyata pembayaran kasar yang di-keluarkan oleh Timbalan Pengawal Penchen2 Negara bahawa sa-banyak \$119,530.00 telah di-bayar kepada penerima penchen umur tua; \$4,975.00 di-bayar bagi penchen orang buta serta tanggungan mereka dan \$600.00 telah di-bayar bagi alaan orang2 tanggungan penyakit kusta dan gila.

Berikut ia-lah penyata kasar yang menunjukkan pembayaran penchen2 bagi seluruh negeri dalam bulan Ogos yang lalu:

PENCHEN UMUR TUA	
Daerah Brunei dan Muara	\$ 66,162.50
Daerah Belait	22,092.50
Daerah Tutong	25,100.00
Daerah Temburong	6,175.00
Jumlah	119,530.00

PENCHEN ORANG2 BUTA SERTA TANGGONGAN-NYA	
Daerah Brunei dan Muara	\$ 3,487.50
Daerah Belait	712.50
Daerah Tutong	550.00
Daerah Temburong	225.00
Jumlah	4,975.00

ALAAON ORANG2 TANGGONGAN PENYAKIT KUSTA DAN GILA	
Daerah Brunei dan Muara	\$ 350.00
Daerah Belait	187.50
Daerah Tutong	62.50
Daerah Temburong	—
Jumlah	600.00

Sabtu hingga ka-pukul 12.00 tengah hari Ahad.

Ayam hidup tidak-lah di-benarkan di-jual di-kawasan Tamu itu.

Orang ramai hanya di-benarkan menjual barang2 mereka di-kawasan Tamu itu pada hari dan masa yang telah di-tetapkan, dan lain2 hari serta waktu tidak-lah di-benarkan.